

SSM bukan semakan

UM - 5 SEP 2002

PUTRAJAYA 4 Sept. — Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Jamaluddin Ahmad Damanhuri berkata, Skim Saraan Malaysia (SSM) bukan satu semakan kepada sistem gaji dan perkhidmatan kakitangan awam.

Sebaliknya, menurut beliau, SSM sebenarnya adalah satu penambahbaikan kepada Sistem Saraan Baru (SSB) yang telah digunakan sejak 10 tahun lalu.

Katanya, SSM masih mengekalkan prinsip-prinsip asas SSB tetapi sebahagianya diubahsuai berdasarkan

maklum balas yang diterima dan kajian yang dilakukan.

Sehubungan itu, tegasnya, kakitangan awam tidak seharusnya mengharapkan satu kenaikan gaji segera daripada sistem baru itu.

“Tetapi, apabila satu skim yang lebih baik diperkenalkan, setiap kakitangan tentunya akan menerima ganjaran yang lebih baik,” katanya kepada pemberita selepas majlis taklimat mengenai SSM kepada media di sini hari ini.

Taklimat tersebut disampaikan oleh Pengarah Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Abdul Hamid Hamad.

Beliau mengulas mengenai rasa tidak puas hati kakitangan kumpulan sokongan yang mendapat kenaikan gaji sebanyak RM15 jika memilih SSM berbanding RM65 bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional dan RM110 bagi kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Kumpulan sokongan merupakan kumpulan terbesar dalam perkhidmatan awam iaitu seramai 847,239 orang atau 85.93 peratus daripada jumlah keseluruhan kakitangan.

Mengulas lanjut, Jamaluddin berkata, RM15 itu bukan satu kenaikan sebenar tetapi kenaikan berikutan pelarasan dari tangga gaji da-

sistem gaji awam

lam SSB ke tangga gaji dalam SSM.

“Kita membuat perkiraan berasaskan kepada formula yang ditentukan dan itulah angka dan perbezaan yang diperoleh,” jelasnya.

Beliau juga meminta kakitangan awam khususnya kumpulan sokongan supaya tidak melihat faedah segera yang diperoleh dari skim itu tetapi faedah jangka panjang terutama peluang pengembangan kerjaya.

Bagaimanapun, katanya, JPA sedia menerima cadangan balas dan berbincang dengan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan

Awam (Cuepacs) berhubung perkara itu.

Dalam pada itu, Jamaluddin berkata, kakitangan kerajaan negeri termasuk Kelantan dan Terengganu boleh menyertai SSM jika kerajaan negeri terbahit bersetuju untuk menerima pakai skim itu.

Katanya, surat pekeliling kepada kesemua kerajaan negeri akan dikeluarkan pada minggu ini dan terpulang kepada mereka membuat keputusan.

Beliau berkata, bagi kakitangan kerajaan persekutuan, sesi penerangan sedang dijalankan dan mereka akan diberikan surat tawaran dan peke-

liling mengenai perkara itu oleh ketua jabatan masing-masing pada hujung bulan ini.

“Selepas itu, mereka mempunyai masa sehingga 31 Oktober untuk menandatangani surat tawaran sama ada memasuki SSM atau kekal dalam skim sedia ada,” katanya.

SSM yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 29 Julai lalu akan mula dilaksanakan pada November ini.

SSM diyakini sebagai yang terbaik untuk kakitangan awam kerana menekankan aspek kecakapan dalam menentukan perkembangan kerjaya seseorang kakitangan awam.